



RUMAH SAKIT YANG BAHARU DAN LENGKAP DI-DIRIKAN DI-BANDAR BRUNEI

SA-BUAH Rumah Sakit yang besar dan lengkap akan di-bangunkan di-Bandar Brunei dan bukan-nya di-Penaga, Seria seperti yang telah di-chadangkan pada masa dahulu itu. Demikian menurut satu keputusan yang di-ambil oleh Majlis Mashuarat Negeri dalam persidangan-nya yang bertempat di-Lapau dan berlangsung baharu2 ini.

RAKYAT BRUNEI DI-BERI PELUANG

Rakyat Brunei ada-lah di-beri peluang supaya di-beri pinjaman yang akan membolehkan mereka mendirikan bangunan2 sharikat2 perniaga'an atau apa jua perusaha'an.

Pinjaman ini ada-lah ber-sharat dan hanya akan di-beri pinjaman 70-95% dari ungkus yang sebenar-nya, dan di-kenakan memberi faedah sebanyak 5%

Bangunan itu pula hendak-lah bertempat di-tanah yang punya sharikat itu dan di-bangunkan oleh Ahli2 Bangunan.

Terdiri-nya Rumah Sakit ini nanti maka layanan kepada orang2 sakit akan dapat-lah lebeh memuaskan dan terator.

Pekerja2 dari Sharikat Minyak, The Brunei Shell Petroleum Company Limited Seria yang akan masok ber-ubat di-Rumah Sakit ini akan di-kenakan bayaran sama seperti bayaran yang di-kenakan kepada orang ramai.

Rumah Sakit ini di-dirikan dengan memakan belanja sahingga sebanyak \$13,095,000.00 .

PERSIDANGAN KETIGA DAERAH BORNEO BRITISH

Persidangan di-antara ketiga2 buah daerah di-kawasan Borneo British, ia-itu Brunei, Borneo Utara dan Sarawak telah pun berlangsung kelamariin bertempat di-Lapau, Bandar Brunei.

Persidangan itu telah di-hadziri oleh Pembesar2 Negeri dari ketiga2 buah daerah tersebut dan termasuk Tuan Pesuruh Jaya Agong Tenggara Asia, Sir Robert Scott dan General Festing.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei juga telah hadir dalam persidangan itu, dan juga Pesuruh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei yang juga menjadi Gubernor bagi Sarawak telah hadir bersama.

SEMBAHYANG HARI RAYA TAHUN INI DI-PADANG

Sembahyang Hari Raya 'Aidil-Fitri pada tahun ini juga akan bertempat di-Padang Besar Pekan Brunei seperti juga pada tahun yang lalu. Ini sekiranya keadaan cuaca mengizinkan-nya.

Khotbah akan di-bacha pada jam 7.00 pagi hari itu.

Salain dari itu para hadirin dari Borneo Utara ialah Tuan Gubernor dan juga Penglima Agong Borneo Utara dan Ketua2 Setia Usaha Borneo Utara.

Dari Sarawak ialah : salain dari Gubernor sendiri Pesuruh Jaya Police dan juga Ketua2 Setia Usaha.

RANCHANGAN MELAYU DI-UDARA SIANG HARI

Sapanjang Bulan Puasa ini siaran Melayu Radio Brunei di-udara ada mendapat tambahan, dan juga mulai dari hari yang pertama Hari Raya.


Sahingga penghujung Bulan Puasa ini siaran Melayu Radio Brunei boleh dapat di-ikuti, salain dari waktu yang biasa pada jam 3.00 hingga 4.00 petang dan lagi mulai pada 6.15 hingga waktu berbuka puasa.

Mulai dari Hari Raya akan datang ini

Tuan British Resident Brunei juga telah hadir dalam persidangan itu.

pancharan Melayu Radio Brunei akan di-udara mulai dari jam 12.30 hingga kepukul 1.30 tengah hari. Pada tiap2 hari Jumat Khotbah akan juga di-siarkan dari Mesjid, dipancharkan melalui Radio Brunei.

ANAK-ANAK BRUNEI YANG MENDAPAT GRADE I & II SENIOR CAMBRIDGE



Rosli bin Umar yang sekarang berkhidmat di-Pejabat Tanam2an, Brunei apakala menerima berita kelulusan-nya dengan kejaya'an yang gilang gemilang itu telah bertambah lagi kuat chita2-nya untuk melanjutkan pelajaran dalam hal ehwal berchuchok tanam. Rosli telah lulus dengan mendapat Grade I dengan kepujian.

Pada mula-nya Rosli telah bersekolah di-Sekolah Melayu Pekan Brunei sejak tahun 1946 hingga 1949.

Pada awal tahun 1950, Rosli telah di-hantar oleh Kerajaan Brunei bersekolah di-Telok Kurau English School, Singapura.

Empat tahun kemudian, Rosli telah di-pindah bersekolah di-Raffles Institution juga di-Singapura, di-mana ia memasoki ujian dalam pepereksa'an Senior Cambridge, tahun lalu.

Mengikut kata-nya (Rosli) pada masa ia maseh di-bangku Sekolah Melayu ia pernah berchita2 untuk menjadi guru. Tetapi apakala berpeluang melanjutkan pelajaran dalam Bahasa Inggeris chita2 itu sudah bertukar. Rosli chunderong dalam hal tanam2an dan dalam bahagian Engineering.


Rosli berchita2 akan melanjutkan pelajaran-nya, kalau-lah dapat, ka-saberang laut mengambil University Degree dalam hal Tanam2an.

Jaya bin Abdul Latif yang sekarang berkhidmat di-Radio Brunei telah menerima dengan senang hati keputusan pepereksa'an Senior Cambridge yang ia telah masok beruji tahun lepas di-Bartley's Secondary School di-Singapura. Jaya telah lulus dengan mendapat Grade II dengan kepujian.

Dalam Pepereksa'an Federation of Malaya Certificate of Education yang juga di-adakan pada tahun lalu Jaya juga telah lulus, dan ini mengikut kata-nya (Jaya) ada-lah maksud hatinya sendiri dan dengan perbelanja'an-nya sendiri.

Jaya telah lulus dalam darjah IV di-Sekolah Melayu Brunei dan satelah berpeluang memasoki pepereksa'an untuk melanjutkan pelajaran dalam Bahasa Inggeris atas Dermasiswa Kerajaan Brunei dan berjaya, pada mula-nya ia telah di-persekolahkan di-Primary School di-Singapura dan kemudian satelah lulus dalam satu ujian telah dapat memasoki Bartley Secondary School juga di-Singapura.

Jaya pernah berchita2 akan menjadi askar dan juga akan menjadi sa-orang Police Inspector. Oleh kerana dorongan kejaya'an-nya dalam Majlis Bahath di-suatu hari akhir2 ini, maka ia berazam dan berchita2 untuk melanjutkan pelajaran-nya dalam ilmu hukum, kalau-lah kata-nya di-perkenankan serta mendapat pula bantuan dari Kerajaan Brunei.



PEMBICHARA'AN MENGENAI

CHE'GU H.M. SALLEH

Satu pembichara'an yang hebat yang mengambil masa berturut2 dua hari telah berlaku di-Bandar Brunei bertempat di-Mahkamah Tinggi Kerajaan di-antara Che'gu H.M. Salleh dengan tiga orang Pembesar2 Brunei; ia-itu Tuan Penolong Resident D.L. Bruen, A.S.P. Pengeran Jaya bin Pengeran Haji Rajid dan Inspector Chua Kong Leng, atas tuduhan melakukan penangkapan dan penahanan sachara haram atas diri Che'gu Salleh setelah berlaku satu kejadian di-Brunei Hotel pada malam 14hbl. August tahun lepas.

Pembichara'an telah berlaku berturut2 pada 25 dan 26hbl. March baharu2 ini di-hadapan Tuan Justice Fletcher Rogers.

Mr P. Mooney telah membela pihak yang di-tudoh menakala Mr L.A.J. Smith telah membela pihak yang menodoh (Che'gu Salleh). Keterangan2 telah juga di-berikan pada kedua2 hari itu.

Pembichara'an telah selesai dan hukuman akan di-jatuhkan sedikit hari lagi.

TADERUS DI-ISTANA

Sabagaimana yang sudah2, tahun ini juga Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei ada mengadakan bertaderus di-Istana Baginda Darul-Hana pada tiap2 malam sepanjang bulan puasa ini.

Orang2 Islam yang ingin mengambil bahagian dalam istiadat bertaderus atau membaca Quoran ini ada-lah dipersilakan datang pada tiap2 malam.

Transport untuk para taderus ada di-sediakan di-kawasan Rumah Custom di-Bandar Brunei untuk mengangkat naik ka-Istana mulai dari jam 8.00 tiap2 malam.

Tiap2 pembacha akan di-ambil markah-nya oleh para pengadil yang tetap dan kepada yang hanya mendapat tersedikit salah akan di-berikan hadiah. Ini hanya di-lakukan sa-kali pada tiap2 4 malam.

BERHENTI DARI JAWATAN O.C.P.D.

Mr B.R.P. Edwards telah berhenti dari jawatan-nya sebagai O.C.P.D. di-Kuala Belait mulai dari 22hbl. March, 1958.

Mulai dari tarikh 22hbl. March itu juga, Mr C.G.F. Millington telah di-lantek menjadi O.C.P.D. menggantikan tempat Mr Edwards itu.

ANAK-ANAK BRUNEI YANG MENDAPAT GRADE I & II SENIOR CAMBRIDGE



Jusnani binte Lawi, penuntut yang terbaik sakali dari SOAS College, telah mendapat kejaya'an yang gilang gemilang dalam peperiksaan Senior Cambridge tahun lalu.

Jusnani telah mendapat Grade I dengan memperolehi 3 Distinction, 3 Credit dan 2 Pass. Ia tamat dalam kesemua mata pelajaran yang ia masok berpeperiksaan.

Dari awal memang sudah chita2 Jusnani ingin menjadi sa-orang guru, dan dari durongan chita2 ini-lah maka ada-nya ia sekarang di-Girl High School sabagai sa-orang guru.

Pada awal-nya Jusnani terpelajar di-Tanjong Katong Singapura, kemudian di-Sekolah Melayu Pekan Brunei. Ia bertukar ka-Seria dan kemudian-nya berpeluang melanjutkan pelajaran-nya dalam Inggeris di-Government English School, Seria.

Dari sini-lah Jusnani ditukar ka-SOAS College menamatkan pelajaran-nya dalam Senior Cambridge. Harapannya akan melanjutkan pelajaran maseh ada.

Zakaria bin Dato Maha Wangsa Sulaiman yang sekarang berkhidmat di-Pejabat Municipal, Brunei sejak awal tahun ini samentara menunggu keputusan peperiksaan dari Cambridge.

Mengikut keputusan yang baharu saja di-terima, Zakaria telah lulus dalam peperiksaan-nya dalam ujian Senior Cambridge dengan mendapat Grade II.

Zakaria mula bersekolah di-Sekolah Melayu Berakas, kemudian di-Sekolah Melayu Pekan Brunei kerana menamatkan darjah V.

Pada awal tahun 1951 ia telah di-hantar ka-Batu Lintang Training Centre & School, Kuching berlarajar dalam English Secondary School. Tahun berikut-nya di-pindah samula berlarajar di-English Government School, Brunei yang sekarang menjadi SOAS College, di-mana ia lulus dalam peperiksaan Junior Sarawak pada tahun 1955 dan Senior Cambridge dalam



++++++
" DI-MINTA BERJILAT MENGGUNAKAN
" A Y E R
" Oleh kerana waktu ini ki-
" ta menerima kemarau panjang
" maka kita sangat2 kekurangan
" ayer, dan dari-itu seluruh
" penduduk di-kawasan Bandar
" Brunei ada-lah di-seru supaya
" berkerja sama menggunakan
" ayer dengan jimat-nya.
" Pengeluaran ayer di-sekat
" dan paip2 hanya akan di-buka
" di-antara jam 10.00 pagi hin-
" gga 12.00 tengahari, 2.00 pe-
" tang hingga 6.00 petang dan
" 9.00 petang hingga 6.00 pagi.
++++++

KERUGIAN KERANA TIDAK DAPAT
BERPADI DI-GANTI KERAJA'AN -

Dalam antara lain kepu-
tusan yang di-ambil oleh
Majlis Mashuarat Negeri Bru-
nei baharu2 ini ia-lah mem-
persetujui mengadakan gantian
atas kerugian penanam2 padi
di-Kilanas dan di-kawasan2
yang berdekatan.

Gantian itu berupa 500
gantang pada atau wang saba-
nyak \$400.00 pada tiap2 satu
ekar tanah.

ORANG ISLAM KALAU BOLEH
- BERPUASA-LAH

Telah kita sedia ma-
'alum bahawa tiap2 orang
Islam yang aqil baligg
di-wajibkan berpuasa da-
lam bulan Ramadhan yang
mulia ini. Sesiapa ber-
puasa berma'ana ia men-
junjong dan ta'at akan
perintah Allah Subhana-
hu wa-Ta'ala.

Yang 'uzor yang tidak
hak berpuasa hendak-lah
menjauhkan diri daripada
makan dan minum di-kha-
layak ramai, dan dengan
ini terjaga-lah marwah
Ugama Islam.

Kedai2 makan dan pen-
jual barang2 makan orang
Islam di-minta berkerja
sama memelihara nama ba-
ik Ugama kita yang maha
suchi ini dengan jalan
tidak membuka dagangan-
nya waktu siang.

Orang2 Islam yang ti-
dak mengindahkan ma'alu-
man dan nasehat ini akan
di-da'wa. Demikian kita
telah di-fahamkan.

X AHLI2 JAWATAN KUASA PENASEHAT PELAJARAN BRUNEI DI-LANTEK

Orang2 yang tersebut nama-nya di-bawah ini telah di-lantek menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Penasehat Pelajaran Negeri Brunei:-

Pegawai Pelajaran Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim, Yang Berhormat Mr George Newn Ah Foott, Yang Berhormat Pehin Laksamana Haji Mohd. Taha, Yang Berhormat Che'gu Marsal bin Maun, Awang Jamil bin Pehin Udanaahatib Awang Umar, Padri L.J. Barry, Mr T.S. Sung, Che'gu Zaitunnah binte Abdul-Khan, Haji Awang Tengah bin Ampuan Daud, Pengeran Besar bin Pengeran Sabtu dan Awang Mohammad Taib bin Pehin O.K.Di-Gadong Awang Ahmad.

PELUKIS JARMAN DI-BRUNEI

Sa-orang Pelukis Bangsa Jarman, kelamarin telah mengadakan satu pertunjukan ia-itu lukisan2-nya bertempat di-Rest House Bandar Brunei pada jam 5. petang.

Lukisan2-nya itu adalah di-buat atau di-lukis dengan minyak, warna ayer dan arang mengandongi pemandangan2 di-kawasan2 Borneo British di-tempat2 yang ia telah lawati.

Kebanyakan dari lukisan2-nya itu di-jual-nya.

SHARIF HAMID HINTA TANGGOHKAN PEMBICHARA'AN

Sharif Hamid bin Tunku Sharif Hasdok telah sakali lagi hadzir di-Mahkamah Magistrate Bandar Brunei atas satu tudohan terhadap dirinya meniru surat permohonan memasokkan 2,000 guni padi.

Magistrate Tuan/menanggohkan pembichara'an itu hingga ka-satu masa yang akan di-tetapkan nanti atas perminta'an dari Sharif Hamid kerana menunggu waktu sa-orang peguam yang di-jemput-nya dari Singapura datang ka-Brunei.

CHALON2 YANG AKAN MEMASOKI AL-JUNID DI-MINTA DATANG KA-SIIJA

Chalon2 yang telah mendaftarkan nama mereka bagi memasoki peperiksaan belajar ka-Aljunid Islamic School di-Singapura, dengan ini di-ingatkan supaya hadir ke bangunan Sultan Mohammad Jamal-el Alam Brunei pada 7hb. April, 1958 jam 9.00 pagi.

Chalon2 itu:-

1. dari Sekolah Melayu Mohammad 'Alam, Seria:

1. Malai 'Ali bin Malai Othman
2. Razali bin Metussin
3. 'Ali bin Razak
4. Taib bin Jaluddin
5. Mohd. Murad bin Abang Ali

2. dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong:

1. Abd. Ghani bin Haji Abdul-Rahim
2. Besar bin Ahmad
3. Ahmad bin Murad

3. dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong:

1. Julaihi bin Abd. Kadir
2. Abdul Malik bin Abd. Latif
3. Mo'min bin Basah
4. Suhaimi bin Abu Bakar
5. Abd. Halim bin Ahi (Tanjong Maya)
6. Abd. Karim bin Abd. Kadir (Tanjong Maya)

4. dari Juara:

1. Awang Misli bin Awang Tuah

5. dari Sekolah Melayu S.M.J.A., Brunei:

1. Hasnan bin Shahari
2. Bol-Hassan bin Mohd. Jair
3. Mokti bin Mohd. Daud
4. Mohd. Ariffin bin Mohd. Hamiddon

6. dari Maktab Omar Ali Saifuddin, Brunei:

1. Sebli bin Mohd. Yassin
2. Mohd. Salleh bin Abd. Jalil
3. Metussin bin Pehin Khatib Metali
4. Ak. Mohd. Yussof bin P. Chuchu

Chalon2 di-atas di-kehendaki membawa surat beranak dan report kemajuan sekolah.

Dari jumlah ini hanya 3 orang yang berjaya saja akan di-hantar.
